




**SAFETY ALERT**



**JKKP/DOSH**

## **SAFETY ALERT KES KEGAGALAN PASSENGER HOIST**



Satu kemalangan melibatkan kegagalan passenger hoist pada kren kontena. Kemalangan tersebut menyebabkan seorang pekerja maut manakala seorang lagi cedera parah. Struktur sangkar dan motor pemacu passenger hoist juga telah mengalami kerosakan teruk. Sebelum kejadian berlaku, kren kontena telah mengalami kerosakan fungsi pada boom dan dua orang juruteknik menjalankan kerja baikpulih pada boom tersebut. Setelah selesai kerja baikpulih, dua orang juruteknik tersebut telah menggunakan passenger hoist untuk turun dari tempat kerja dan tiba-tiba passenger hoist telah jatuh dan terus menghentam penampas spring pada ruangan pit.

Bagi mengelakkan kemalangan yang sama daripada berulang, berikut adalah langkah-langkah keselamatan yang disyorkan:-

- i. Pemeriksaan teliti ke atas struktur jentera perlu memerhatikan integriti setiap sambungan kimpalan dan menjalankan ujian tanpa musnah ke atas sambungan kimpalan sebelum jentera digunakan.
- ii. Rekod pemeriksaan berkala ke atas jentera tersebut hendaklah dikemaskini dan diaudit dari masa ke semasa.
- iii. Pihak majikan perlu memastikan kerja membaik pulih jentera perlu dilakukan oleh firma dan orang yang kompeten atau bertauliah.
- iv. Menyediakan akses maklumat teknikal dan keterangan kod piawai yang digunakan kepada industri.
- v. Memberi latihan berkenaan reka bentuk, operasi, penyelenggaraan dan pemeriksaan jentera ini.

Rujukan:

1. The Lifting Operations and Lifting Equipment Regulations (LOLER), HSE, UK, 1998
2. Akta Kilang dan Jentera 1967